

Jika krisis Kelantan berlanjutan

DR. M. PUSAT MUNGKIN AMBIL ALIH

U.M. 28 OCT 1977

KUALA LUMPUR 27 Okt — Kerajaan Pusat mungkin terpaksa mengambil alih kuasa pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan demi menjamin kestabilan dan ketenteramannya, jika krisis politik yang berlaku sekarang berlanjutan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu para pemberita di pejabatnya di sini pagi ini bahawa tindakan itu juga mungkin terpaksa diambil untuk memastikan usaha-usaha pembangunan di Kelantan tidak terjejas akibat pergolakan krisis yang berlanjutan itu.

Tindakan mengambil alih kuasa pentadbiran negeri itu, menurutnya, boleh dilakukan dalam bentuk yang sama seperti pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) semasa darurat dulu.

"Bagaimanapun, ini hanya akan berlaku jika pertikaian dan krisis politik negeri itu terus berlanjutan, dan andainya ini berlaku, ia dibuat semata-mata untuk menjamin kestabilan dan ketenteraman negeri supaya ia tidak menjejaskan usaha-usaha pembangunan," tegas beliau.

Ditanya sama ada pergolakan di Kelantan itu akan menjejaskan hubungan antara UMNO dan PAS, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Saya percaya buat beberapa ketika tentulah ada perasaan yang tidak senang di kalangan anggota-anggota parti.

"Bagaimanapun ini adalah soal biasa, soal perhubungan manusia di mana bila pertikaian berlaku ia tidak mungkin dapat dilupakan dalam sekelip mata."

Mengulas dakwaan yang mengatakan terdapat beberapa anggota tertinggi dalam UMNO mahu melihat PAS berpecah Dr. Mahathir berkata:

"Saya percaya pendapat seperti ini terdapat sama dalam semua komponen Barisan Nasional.

"Tapi apa yang penting ialah sama ada pendapat seperti itu diterima oleh rakyat atau tidak.

"Mungkin dalam MCA/PAS atau Gerakan soal yang sama juga timbul. Bagaimanapun saya fikir soal ini berlaku dalam semua parti."

Berhubung dengan soal undi tidak percaya yang diambil terhadap beberapa orang ketua negeri, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tindakan yang diambil itu tidak juga merupakan satu paksaan.

"Tetapi dengan harapan bahawa ahli-ahli akan bertindak secara bertanggungjawab terhadap negara dan rakyat, dan rakyat akan menilai tindak-tanduk mana-mana pihak yang membuat usul sewenang-wenangnya."

Prinsip kerjasama

Lagipun tambahnya, sudah tentu semua pihak, baik PAS ataupun UMNO, tidak mahu membiarkan pembangunan negeri itu terjejas akibat krisis tersebut.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan bahawa sebarang tindakan yang diambil dalam usaha untuk menyelesaikan krisis politik Kelantan itu bukanlah merupakan suatu paksaan, tetapi akan lebih merupakan prinsip kerjasama.

"Formula dari Barisan Nasional ke arah penyelesaian itu dibuat dengan penuh tanggungjawab untuk mengurangkan politik supaya negara dapat ditadbirkan secara berkesan," tegas beliau.

"Dan saya yakin formula itu nanti tentu akan diterima jika semua pihak sayangkan Kelantan dan mahukan negeri itu terus maju tanpa mementingkan diri sendiri," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa soal perantikan Menteri Besar Kelantan bukan ditentukan oleh anggota-anggota parti, tetapi ditentukan oleh pihak tertinggi parti berkenaan.

"Ini adalah sebagai satu dasar yang dipraktikkan oleh Barisan Nasional untuk menghormati semangat Barisan Nasional," tegasnya.

Bercakap mengenai formula pucuk pimpinan Barisan Nasional dalam menyelesaikan masalah Kelantan itu Datuk Sr. Dr. Mahathir memberitahu bahawa PAS dan UMNO bersetuju mengekalkan bilangan pembahagian anggota Exco kerajaan itu.

Katanya, kedua pihak bersetuju menggantikan keanggotaan Exco-Exco lama kepada muka-muka baru termasuk anggota Exco dari UMNO sendiri seperti yang dimaukan oleh PAS.

Beri amaran

Timbalan Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak menguatkuasakan akta universiti dan kolej andai ternyata pelajar-pelajar terlibat secara langsung dalam tunjuk-tunjuk perasaan dan perhimpunan haram di Kelantan.

Kuat-kuasa itu, tambahnya, akan dibuat jika pihak berkuasa mendapat tahu bahawa tunjuk perasaan dan perhimpunan tersebut dianjurkan sendiri oleh para pelajar.

Beliau bagaimanapun percaya pelajar-pelajar tidak terlibat secara langsung dalam rapat-rapat di Kelantan.

Sementara itu Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan Encik Sallehuddin Abdullah bila dihubungi telah menyambut baik kenyataan Datuk Hussein Onn untuk menyelesaikan krisis Kelantan.

Katanya: "Saya berharap penyelesaian dapat dicapai demi kebaikan rakyat dan pembangunan negeri ini".

Beliau juga berharap kerjasama antara parti komponen Barisan Nasional tetap terpelihara di bawah kebijaksanaan pimpinan Datuk Hussein Onn.

Beliau menjelaskan PAS Kelantan telah menerima formula pindaan baru yang dikatakan telah dihantar oleh Datuk Asri kepada PAS Kelantan itu.

Perkara tersebut, katanya, akan dibawa ke dalam mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan awal minggu depan dan keputusannya akan disampaikan kepada Datuk Asri untuk dirundingkan lebih lanjut dengan Datuk Hussein Onn.